



A. SAMAD ISMAIL  
(Dipetik dari buku *Memoir A. Samad Ismail di Singapura*)



A. SAMAD ISMAIL  
(Dipetik dari majalah *Di Sebalik Jendela Utusan*)

## SINOPSIS CERPEN-CERPEN DALAM ANTOLOGI INGIN JADI PUJANGGA 1944 - 1991

BIL	TAJUK CERPEN	TARIKH TERBIT	MEDIA	SINOPSIS
1	“SEORANG PENGAIL”	FEB 1944	SEMANGAT ASIA	<p>Cerpen ini mengisahkan tentang seorang penangkap ikan yang bernama Pak Kemat dan berusia dalam lingkungan 40-an. Beliau hidup sangat sederhana dan tidak mementingkan harta dan wang ringgit. Pak Kemat seorang yang sangat cekal, yakin dan sabar. Beliau sentiasa menerima yang menimpa dirinya dengan seadanya. Hal ini menyebabkan beliau sentiasa hidup dalam keadaan tenang tanpa dibayangi oleh perasaan tamak. Beliau sentiasa berpendapat bahawa modal hidup seseorang bukanlah wang ringgit dan harta benda tetapi adalah tubuh dari semangat yang kuat.</p>
2	“UBI KAYU”	MAC 1944	SEMANGAT ASIA	<p>Cerpen yang berlatarbelakangkan zaman Pendudukan Jepun di Singapura ini mengisahkan tentang ‘saya’ dan dua orang rakaannya yang pergi mencari ubi kayu sehingga ke sebuah kebun ubi di Geylang Serai. Kebun ubi itu dippunyai oleh Wak Ali. Ubi kayu menjadi makanan yang utama pada masa itu. Masyarakat memandang tinggi kepentingan ubi kayu sehingga menjadi hidangan utama dalam majlis-majlis perkahwinan. Dalam keadaan ekonomi yang amat terdesak pada masa itu, wang ringgit tidak lagi berguna tetapi yang perlu hanyalah ubi kayu. Cerpen ini adalah sebagai sindiran kepada pihak Jepun yang menyebabkan berlakunya kekurangan makanan dan penderitaan hidup masyarakat di Singapura pada masa itu.</p>

BIL	TAJUK CERPEN	TARIKH TERBIT	MEDIA	SINOPSIS
3	"KE BINTAN-TO"	APRIL 1944	SEMANGAT ASIA	Berlatarkan Singapura pada tahun 1944, mengisahkan seruan pihak Jepun kepada orang ramai agar berpindah ke Pulau Bintan untuk membuka ladang. Mahmud seorang bekas kerani besar sebelum perang telah pergi ke Bintan-To bersama keluarganya untuk membuka ladang. Rakyat digambarkan pada masa itu sedang berada dalam penderitaan dan kelaparan serta sentiasa berusaha untuk mencari makanan. Mahmud yang menjadi pegawai kerajaan sebelum perang telah biasa hidup dalam kemewahan dan kesenangan. Dengan kedatangan Jepun, beliau dan keluarganya terpaksa hidup menderita dan dalam kepayahan. Mahmud cuba mengatasi masalahnya dengan menerima tawaran kerajaan untuk menjadi petani dengan membuka ladang di Bintan-To. Keputusan Mahmud itu adalah sesuatu yang bijak kerana akhirnya beliau menjadi seorang petani yang berjaya.
4	"BUDAK-BUDAK MAIN SOLDADU"	MEI 1944	FAJAR ASIA	Berlaku di Singapura pada zaman pendudukan Jepun. Pelaku utamanya iaitu 'saya' dan seorang ibu tua menyaksikan seramai 11 hingga 12 orang kanak-kanak lelaki bermain perang-perang di halaman rumah. Kanak-kanak tersebut sebahagiannya menjadi askar Jepun yang menang dan sebahagian lagi menjadi askar Inggeris yang kalah. Cerpen ini juga cuba menyingkap kesan kekalahan tentera British yang dianggap handal di Tanah Melayu tetapi terpaksa tunduk kepada suatu kuasa baru di timur iaitu Jepun. Kanak-kanak yang bermain itu memuji pihak yang menang dan mengejek pihak yang kalah. Cerpen ini juga adalah sebagai satu propaganda Jepun kepada rakyat Singapura pada masa itu.

BIL	TAJUK CERPEN	TARIKH TERBIT	MEDIA	SINOPSIS
5	“ANTARA DUA KEKASIH”	NOV 1946	MASTIKA	<p>Mengisahkan seorang pegawai tentera yang bernama Abdullah tersebut antara tanggungjawabnya kepada negara dan perasaan sayangnya kepada kekasihnya yang bernama Rohani. Abdullah berada dalam keadaan tertekan antara berjuang demi negara atau mengotak janjinya kepada kekasihnya. Beliau ingin kembali ke tanah airnya, iaitu Indonesia yang pada masa itu sedang berjuang untuk melepaskan diri daripada cengkaman Belanda tetapi dalam masa yang sama beliau ingin terus tetap di Malaya bagi bersama kekasihnya, Rohani. Namun, akhirnya, Abdullah mempersiapkan diri untuk berjuang dan meninggalkan Rohani buat sementara waktu walaupun Rohani berasa terharu dan bangga dengan berita tentang pemergian Abdullah itu.</p>
6	“INSAF”	1947	MASTIKA	<p>Hamid yang pada mulanya bekerja dengan pihak penjajah iaitu Inggeris selama 2 tahun, akhirnya telah berhenti kerana berasa insaf melihatkan nasib bangsanya yang menderita kerana dijajah. Beliau ingin membela nasib bangsanya dengan memegang jawatan pengurus dalam satu parti politik yang bercorak radikal. Hamid sanggup berkurban jiwa dan harta bendanya demi membebaskan negara daripada kuasa penjajah. Akhirnya, Hamid berasa kecewa apabila benasakan yang perjuangan dan pengorbanannya selama ini tidak diharga oleh bangsanya sendiri sedangkan pada suatu masa beliau sangat dihormati kerana mempunyai kedudukan yang tinggi dan pangkat yang besar dalam masyarakatnya.</p>

BIL	TAJUK CERPEN	TARIKH TERBIT	MEDIA	SINOPSIS
7	“INGIN JADI PUJANGGA”	MAC 1951	MASTIKKA	<p>Arif adalah seorang penulis muda yang merasakan dirinya menulis dengan tujuan untuk menyedarkan masyarakat dan bukan untuk mencari kesenangan dan kenewahan hidup. Beliau berusaha dengan gigih dan sabar untuk menjadi seorang penulis dan bercita-cita tinggi untuk menjadi seorang pengarang yang terkenal. Walau bagaimanapun, ada kalanya Arif mengalami ketandusan idea untuk dijadikan bahan dalam penulisannya yang menyebabkan beliau mengurung diri di dalam biliknya sehingga mengabaikan keluarganya. Arif juga mempunyai sifat ego yang tinggi kerana enggan menerima pendapat sahabatnya, Yusof walaupun pada masa itu beliau sangat-sangat memerlukan fikiran dan pendapat daripada orang lain. Cerpen ini juga adalah sindiran A. Samad Ismail terhadap penulis-penulis muda yang banyak berkhayal tetapi enggan keluar dan mencari sendiri berita dan masalah tentang pengolakan yang dihadapi oleh masyarakat pada masa itu.</p>
8	“PERTENTANGAN”	APRIL 1952	MASTIKKA	<p>Adnan adalah seorang pemuda dari keluarga baik-baik yang berasal dari Perlis. Bapanya adalah seorang bekas pegawai tinggi Kerajaan dan abangnya pula adalah seorang pegawai tinggi di negeri tersebut. Adnan melarikan diri ke Singapura setelah dipaksa berkahwin dalam usia yang muda dengan gadis yang menjadi pilihan ibu bapanya. Keadaan ini telah mengeruhkan hubungan Adnan dan keluarganya. Hubungan itu bertambah buruk apabila Adnan berkahwin dengan seorang janda muda yang berasal dari Johor dan memperolehi 3 orang anak. Pertentangan yang berlaku antara Adnan dan keluarganya menyebabkan beliau enggan pulang ke Perlis. Walaupun keadaan hidup Adnan susah di Singapura tetapi beliau tidak mahu menerima tawaran kerja yang diberikan oleh abangnya. Adnan berazam mahu cuba hidup berdikari.</p>

BIL	TAJUK CERPEN	TARIKH TERBIT	MEDIA	SINOPSIS
9	“SURAT KEPADA TAUKE”	4 MEI 1952	UTUSAN ZAMAN	<p>Ahmad telah ditugaskan satu kes langgar lari yang membatikan anaknya. Anak En. Guan Geok Guan jaitu Lim telah melanggar seorang budak lelaki Cina yang berusia 11 tahun ketika memandu dalam keadaan mabuk. Lim yang mabuk pada masa itu telah memandu keretanya dengan laju hingga terbiasa lalu melanggar budak lelaki tersebut. Ahmad telah disuruh oleh En. Guan supaya menyelesaikan masalah itu agar perkara itu tidak dibawa ke tengah. Dengan pertolongan seorang lelaki yang dikenali di kampung tersebut, Ahmad berjaya memujuk bapa budak lelaki itu agar tidak membesarkan cerita tersebut dengan membayar ganti rugi berjumlah seribu ringgit.</p>
10	“SURAT DARIPADA TAUKE”	11 MEI 1952	UTUSAN ZAMAN	<p>Ahmad telah menulis surat kepada En. Guan sekali lagi. Di dalam surat itu, Ahmad memberitahu En. Guan tentang bagaimana kawannya yang membantu Ahmad untuk menyelesaikan kes langgar lari yang melibatkan Lim iaitu anak En. Guan telah dipanggil ke belai polis untuk memberi keterangan. Beliau dituduh kerana cuba menyogok bapa kepada budak lelaki yang dilanggar itu agar memberi keterangan palsu kepada polis. Ahmad meminta En. Guan agar dapat menyediakan seorang pegawai yang handal sekitaranya dia turut tertangkap dan bersedia untuk mengeluarkan perbelanjaan yang lebih untuk menyelesaikan kes itu. Ahmad menerima telegram daripada En. Guan yang menyatakan bahawa anaknya Lim telahpun ditangkap. Hal ini menjadikan Ahmad bertambah takut kerana khawatir dirinya akan turut diberkas oleh pihak polis. Akhirnya perkara yang ditakutinya benar-benar terjadi apabila dia ditangkap polis kerana bersubhat memberikan keterangan palsu.</p>

BIL	TAJUK CERPEN	TARIKH TERBIT	MEDIA	SINOPSIS
11	“PUTUS ASA”	JUN 1952	MASTIK <i>A</i>	<p>Siti Mariam yang tidak mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang selok-belok dan perlakuan orang-orang politik begitu mudah terpengaruh dengan kekasihnya yang dianggap sebagai pendorong kepada kebangkitan dan perjuangan kaum wanita. Siti akhirnya berkasih-kasihan dengan pemuda tersebut kerana dia tergoda dengan kepandaihan dan ketepatan kekasihnya dalam membicarakan soal wanita. Beliau akhirnya termakan pujuj rayu kekasihnya hingga telah menyerahtan kehormatan dirinya kepada pemuda itu. Akhirnya, pemuda tersebut telah meninggalkan Siti Mariam untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara. Siti Mariam yang mendapat dirinya mengandung kerana keterlaluiannya dengan kekasihnya itu, akhirnya telah mengambil jalan singkat dengan membunuh diri.</p>
12	“BUNG LEMAN”	JANUARI 1953	MASTIK <i>A</i>	<p>Bung Lemau adalah seorang pejuang kebebasan yang berhaluan kiri telah berhijrah ke Singapura. Beliau seorang yang suka hidup bebas dan tidak mahu terkongkong. Bung Lemau mudah bergaul dengan semua orang terutamanya masyarakat golongan bawahan. Beliau juga banyak menulis dan mengkritik tentang sesuatu perkara atau tentang seseorang melalui surat khabar yang banyak membulunkan kekecohan. Sasaran kritikan beliau adalah golongan tua dan golongan yang memperalatkan agama demi mencari kesenangan hidup. Namun, perjuangan Bung Lemau yang cuba menjarakkan dirinya dengan golongan tua dan tidak mahu berkompromi dengan masyarakat akhirnya kebuntuan. Akhirnya, beliau cuba menyesuaikan diri dengan kehendak masyarakat dengan menerima hakikat hidup dan menjawat jawatan Penolong Penghulu bagi memajukan masyarakat.</p>

BIL	TAJUK CERPEN	TARIKH TERBIT	MEDIA	SINOPSIS
13	"CINA ANGKAT NAJIS DI RUMAH SAYA"	OKTOBER 1953	MASTIKAI	<p>En. Mat baru berpindah ke sebuah kawasan perumahan. Beliau menghadapi masalah kerana Apek Cina yang bekerja mengangkat najis di rumahnya telah 4 hari tidak datang bekerja. Keadaan kesihatan dan kebersihan di kampung itu juga tidak begitu baik kerana sistem pembentangan najis yang tidak begitu teratur dan tidak sistematik yang mengakibatkan banyak berlaku penyakit kudis dan penyakit berjangkit yang lain. Selain itu, terjadi juga pertengkaran antara tuan rumah dan Cina pengangkat najis kerana sikap tuan rumah yang sombang. Akhirnya, setelah 4 hari tidak datang, Cina pengangkat najis itu datang bekerja semula. Lelaki Cina tersebut menjelaskan kepada En. Mat bahawa dia tidak datang bekerja kerana dirinya yang tidak sihat. Semenjak hari itu, En. Mat berusaha mengenali Cina pengangkat najis itu dengan lebih baik dan beliau juga telah mengetahui serba sedikit tentang latar belakang Cina tua itu.</p>
14	"AH KHAW MASUK "SYURGA""	19 MEI 1960	BERITA HARIAN	<p>Ah Khaw seorang penari beca berbangsa Cina yang dilindungi sebuah keluarga Melayu. Ketika Jepun mula masuk ke Singapura pada tahun 1942, Ah Khaw terpaksa tinggal dengan keluarga Melayu itu untuk mengelakkan daripada ditangkap oleh Jepun kerana dia berbangsa Cina. Dia tinggal di rumah Hasan yang bersahabat baik dengannya.. Ah Khaw bersetuju memakai pakaian Melayu untuk mengaburi mata pihak Jepun. Emak Hasan melayan Ah Khaw dengan baik dan berhasrat hendak mengislamkan Ah Khaw semenjak Ah Khaw tinggal di rumahnya. Hasan tidak begitu mengambil kira tentang pengislamkan Ah Khaw tetapi emaknya beriya-iya hendak mengislamkan Ah Khaw. Akhirnya, emak Hasan kecewa dan berasa hiba kerana Ah Khaw mati kerana sakit pada malam Jumaat kerana dia belum sempat memeluk agama Islam.</p>

BIL	TAJUK CERPEN	TARIKH TERBIT	MEDIA	SINOPSIS
15	“BELUM BAIK-BAIK LAGI”	1967	MASTURA	Man Juki dan Milah adalah sepasang suami isteri yang baru berkahwin tetapi menghadapi masalah kerana perbezaan usia yang begitu ketara. Milah yg baru berusia 17 tahun bersuamikan Man Juki yg 20 tahun lebih tua daripadanya atas pilihan orang tuanya. Milah yg tidak dapat menerima suaminya itu telah melakukannya diri ke rumah Salamah dan Man Juki pula ke rumah bapa saudaranya, Yuyi untuk meminta pendapat dan nasihat. Yuyi akhirnya dapat membawa Milah tinggal di rumahnya. Atas nasihat dan pertolongan daripada Yuyi, akhirnya Milah dapat menerima Man Juki sebagai suaminya setelah Man Juki banyak menghabiskan masa dan wangnya bagi mengatas masalah rumah tangganya itu.
16	“KE RUMAH CUCU”	1967	MASTURA	En. Murad adalah seorang pesara kerajaan yang amat menyayangi cucu tunggalnya yang berada di Pulau Pinang. Beliau sanggup bersusah-payah untuk menzarahi cucunya yang bernama Ratna iku walaupun dia tinggal di Kuala Lumpur. En. Murad juga amat menyayangi anaknya, Nab dan juga isterinya Cik Gayah. Pada suatu ketika, En. Murad telah menimbulkan keimbangan dalam diri semua orang apabila beliau telah menghilangkan diri selama seminggu. Selepas seminggu, barulah En. Murad dapat menghubungi keluarganya dengan mengatakan bahawa dia tidak dapat meneruskan perjalananannya ke Pulau Pinang kerana perjalananannya itu tengendala di tengah jalan disebabkan masalah banjir. Hal ini menimbulkan rasa lega di dalam hati semua orang terutama keluarganya yang amat bimbang tentang keselamatan dirinya.

BIL	TAJUK CERPEN	TARIKH TERBIT	MEDIA	SINOPSIS
17	“PAK YAK MAHU KAHWIN”	1967	MASTURA	Pak Yak adalah seorang pemuda keturunan peranakan yang mempunyai keinginan untuk berkahwin dalam zaman pendudukan Jepun. Beliau mempunyai perwatakan seperti perempuan dan mempunyai ramai kawan yang terdiri daripada golongan perempuan. Berita pertunangannya yang telah dihebohkan menjadi gurauan orang kampung kerana perwatakanya yang seperti perempuan. Pak Yak berhastrat ingin mengadakan majlis dan kenduri kahwinnya secara besar-besaran. Walau bagaimanapun, hasrat beliau tidak tercapai kerana selain kesempitan wang, perperangan yang berlaku juga telah menyebabkan harga barang-barang keperluan melambung tinggi serta sukar diperolehi. Keadaan ini menyebabkan Pak Yak terpaksa bekerja sebagai buruh di Harbour Board bersama pemuda-pemuda yang lain dan sekaligus memaksa beliau menukar perawakannya.
18	“RUMAH PAK HAJI HARUN”	1967	MASTURA	Pertempuran yang berlaku antara pihak Inggeris dan tentera Jepun ketika pihak Jepun mula-mula bertindak untuk menawan Singapura telah menyebabkan orang ramai sentiasa berada dalam ketakutan dan kehimbangan. Haji Harun, walau bagaimanapun dapat menghadapi keadaan tersebut dalam keadaan tenang dan sabar. Pada suatu malam, kampung tersebut digegarkan dengan bunyi meriam dan peluru kerana berlaku pertempuran di pinggir kampung antara tentera Inggeris dan tentera Jepun. Peluru dan tembakan meriam telah memusnahkan tumbuhan dan juga rumah penduduk. Pak Harun, anaknya, Ali dan isterinya turut terperangkap dalam pertempuran itu. Semua penduduk termasuk isteri dan anak Pak Haji Harun telah bersembunyi di bawah kolong. Walau bagaimanapun, Pak Haji Harun terus berada di rumahnya memegang surat Yasin dan mengajui dengan tenang. Berkat kekuatan iman dan ketakwaannya itu, Pak Haji Harun terselamat dalam pertempuran tersebut.

BIL	TAJUK CERPEN	TARIKH TERBIT	MEDIA	SINOPSIS
19	“MASTURA”	1967	MASTURA	<p>Sebelum berkahwin dengan Cik Ariff, Mastura adalah seorang bekas penari joget. Beliau adalah seorang janda dan sangat diminati oleh ramai lelaki kerana kecantikannya semasa menjadi perempuan joget. Setelah berkahwin selama 20 tahun, Cik Ariff dan Mastura masih belum memperolehi anak. Walaupun telah disahkan yang Mastura mandul tetapi Cik Ariff tetap setia dan menyayanginya. Pada suatu ketika, rumah Mastura dan Cik Ariff telah didatangi oleh seorang sahabat Cik Ariff yang baru datang dari Kedah iaitu Cik Masood. Ketika Cik Masood menumpang tinggal di rumahnya itu, Mastura telah cub menggoda Cik Masood. Namun Cik Masood dapat melawan godaan daripada Mastura itu. Setelah godaananya ditolak oleh Cik’ Masood, maka Mastura terpaksa menerima hakikat bahawa dia sudah tidak secantik 20 tahun dahulu kerana usianya yang telah lewat menyebabkan kecantikannya bertambah pudar.</p>
20	“KAU MESTI SUNAT, KATA BAPA”	1967	MASTURA	<p>Din adalah seorang budak lelaki yang berkawan baik dengan seorang budak perempuan yang bernama Bedah. Pada suatu hari, bapa Din memberitahunya yang dia akan disunatkan pada cuti sekolah nanti oleh pamannya. Berita Din yang akan disunatkan itu telah menyebabkan ibu dan kakak-kakak Din melayan dan menjaga Din dengan istimewa agar dia tidak ditimpah sebarang bencana sebelum disunatkan. Walaupun bagaimanapun secara bersembunyi-sembunyi, Din telah mengajak Bedah ke sebuah kebun ubi kayu kepunyaan seorang Cina. Oleh kerana terlalu asyik bermain, mereka lewat pulang ke rumah. Hal ini telah menyebabkan Din dimarahi oleh ibunya apabila dia sampai di rumah. Akhirnya, Din telah disunatkan oleh pamannya diaan dia terpaksa terkurung di dalam rumah selama sebulan untuk menungguinya pulih seperti sedia-kala. Ibu Din menghadiahkannya sebuah basikal apabila dia telah sembuh. Din pergi ke rumah Bedah untuk menunjukkan basikalnya itu dan untuk mengajak Bedah bermain. Ibu Bedah mlarang kerana Din dan Bedah telah sama-sama memasuki alam remaja.</p>

BIL	TAJUK CERPEN	TARIKH TERBIT	MEDIA	SINOPSIS
21	“PUTHU”	1967	MASTURA	<p>Puthu adalah seorang buruh mengangkat sampah selama 20 tahun dengan Lembaga Luar Bandar. Dia bekerja mengangkat dan membersihkan sampah dari satu lorong ke satu lorong yang lain di sebuah kampung. Puthu mengenali ramai penduduk di tempat tersebut dan berkenalan dengan lebih erat dengan seorang janda iaitu Munah yang bekerja mengambil upah membash pakaian. Puthu kerap menyanyi untuk menghiburkan Munah ketika Munah sedang sibuk membash kain di sebuah paip air. Pada suatu hari, Munah bergaduh dengan Mak Iti kerana Mak Iti menuduh Munah cuba membolot semua upah orang untuk membash kain. Puthu cuba membela Munah yang hendak dikasari oleh Mak Iti. Hal ini menyebabkan Mak Iti memanggil suaminya yang kemudiannya telah memukul Muthu. Peristiwa tersebut menimbulkan perasaan yang erat antara Munah dan Puthu. Munah kemudiannya mengundang Puthu minum di rumahnya yang berada dalam serba kekurangan.</p>
22	“DONGENG”	1967	MASTURA	<p>Ramlah adalah anak tunggal kepada Pak Kusen dan Wak Suri. Ramlah berasekolah di Sekolah Menengah Inggeris. Sebahagian daripada rumah dua tingkat kepuaan Pak Kusen dan Wak Suri itu telah disewaikan kepada sekumpulan pemuda dan Pak Kasban. Perhubungan antara Ramlah dengan pemuda-pemuda yang menyewa di rumahnya itu amat rapat kerana pemuda-pemuda tersebut sering mengalakkan agar Ramlah meneruskan pelajarannya dan menjadi seorang guru. Ramlah terikat dengan seorang pemuda yang bernama Mansor tetapi perhubungan tersebut ditentang keras oleh ibu bapa Ramlah. Akhirnya, Ramlah jatuh sakit tetapi penyakitnya tidak juga sembuh-sembuh walaupun pelbagai doktor dan dukun yang telah merawatnya. Pak Kasban berjaya memulihkan Ramlah dengan cara mengaji dan membaca Al-Quran. Apabila sembuh daripada penyakitnya, Pak Kusen dan Wak Suri telah mengahwinkan Ramlah dengan Pak Kasban walaupun Ramlah masih lagi remaja sedangkan usia Pak Kasban telahpun meningkat kepada 60 tahun.</p>

BIL	TAJUK CERPEN	TARIKH TERBIT	MEDIA	SINOPSIS
23	"AMELIA"	1967	MASTU/RA	<p>Watak "saya" adalah watak seorang lelaki yang suka berfoya-foya dan tidak jujr kepada isterinya. Walaupun dia telah mempunyai 7 orang anak tetapi sikapnya tidak pernah berubah. Namun, isterinya iaitu Salmah tetap bersabar dengan perangai suaminya yang pemabuk dan juga mata keranjang itu. Perangai buruknya semakin menjadi-jadi sekiranya berlaku persengketaan antara dirinya dengan Salmah. Akhirnya "saya" sebagai watak utama ini telah jatuh hati dengan seorang janda yang bernama Amelia. Perhubungan watak utama tersebut dengan Amelia menyebabkan dia kerap membohongi isterinya. Salmah akhirnya mengetahui tentang perhubungan suaminya dengan Amelia dan menasihati suaminya supaya berubah dan cuba membahagiakan keluarganya sendiri. Nasihat daripada isterinya yang diluahkan secara baik itu walaupun hatinya terluka menyebabkan watak utama berasa menyesal kerana mengkhianati kesetiaan isterinya. Akhirnya, dia mengambil keputusan untuk memutuskan perhubungannya dengan Amelia dan berjanji akan berubah dan berusaha untuk membahagiakan isteri dan keluarganya sendiri.</p>
24	"MANDI KOLAM"	1967	MASTU/RA	<p>Di sebuah penempatan, terdapat sebuah kolam yang disediakan oleh pihak kerajaan sebagai kemudahan asas kepada para penduduk. Kolam yang terletak di pinggir padang itu berfungsi untuk menampung air bersih bagi kegunaan penduduk di tempat tersebut. Halim dan Ambak serta beberapa orang budak lelaki lain gemar mandi dan bermain di kolam tersebut. Walau bagaimanapun Halim dan Ambak kerap berasa tidak senang hati terhadap sikap golongan wanita yang men basuh di kolam tersebut. Wanita-wanita tersebut kadang-kala bertindak mengotorkan air kolam tersebut dengan kotak-kotak dan buih-buih sabun yang dituangkan dari baldi mereka ke dalam kolam tersebut. Kanak-kanak seperti Halim dan Ambak mempunyai cara tersendiri untuk menghalang kaum wanita tersebut daripada membasuh di situ. Antaranya adalah mereka akan melarikan kain dan menjirus air ke atas kepala wanita yang membasuh itu. Walau bagaimanapun, Halim, Ambak dan beberapa orang rakan mereka rajin membersihkan kolam tersebut setelah dikotorkan oleh golongan wanita yang membasuh di situ.</p>

BIL	TAJUK CERPEN	TARikh TERBIT	MEDIA	SINOPSIS
25	“BELAJAR AGAMA”	1967	TEMASHA TINTA	<p>En. Dollah adalah seorang ketua di sebuah syarikat penerbitan surat khabar. Beliau danisterinya yang bernama Zaiton agak ceteck dalam pengetahuan agama. Zaiton bersama lebih kurang 20 orang wanita lain telah belajar agama daripada Ustazah Khatijah setelah mendapat kebenaran daripada En. Dollah. Suami Ustazah Khatijah iaitu Tahir bekerja sebagai penyunting di bawah En. Dollah di syarikat akhbar yang sama. Tahir mempunyai tabiat buruk seperti suka berjudi, meninggalkan puasa dan solat, kerap ke kabaret dan mempunyai hubungan dengan penari-penari joget. Ustazah Khatijah yang tidak mengetahui peranggai sebenar suaminya itu kerap memuji-muji suaminya sebagai suami yang baik dan patuh kepada suruhan agama. Walau bagaimanapun, akhirnya Ustazah Khatijah tercium peranggai buruk suaminya itu dan ini menyebabkan Ustazah Khatijah terpaksa membubarkan kelas agamanya itu kerana sibuk mencari dukuhan bagi memulihkan kelakuan suaminya yang buruk itu. Zaiton dan kawan-kawannya berusaha mencari guru agama yang lain bagi mengantikan Ustazah Khatijah.</p>
26	“RUANGAN WANITA”	1967	TEMASHA TINTA	<p>Siti Mardina adalah seorang janda muda yang berusia dalam pertengahan 20-an. Beliau yang telah menjadi janda sebanyak empat kali pernah mengajar di sebuah madrasah kaum wanita di Seberang Perai. Dalam menjalankan tugasknya untuk mengendalikan ‘Ruang Wanita’, Siti Mardina telah dibantu oleh Yunus atau dipanggil ‘Nos’ sahaja oleh kawan-kawainya. Yunus kerap kali membantu Siti Mardina sama ada dari aspek kerja malupun dari aspek kewangan. Siti Mardina yang mempunyai bentuk badan yang menarik dan rupa paras yang cantik sehinga digoda oleh ramai lelaki termasuklah Iskandar dan Pak Kadir yang menjadi ketuanya. Pada suatu hari, Iskandar meminjam wang daripada Yunus untuk membantu Siti Mardina yang memerlukannya. Rasa hormat dan sanjungan tinggi Yunus terhadap Siti Mardina hilang apabila beliau melihat sendiri Siti Mardina dan Iskandar melakukan maksiat.</p>

BIL	TAJUK CERPEN	TARIKH TERBIT	MEDIA	SINOPSIS
27	“WAK HAI! HAI!”	1967	TEMASHA TINTA	<p>Wahab Hamid atau nama gelarannya Waha adalah seorang wartawan lama yang bekerja sebagai Penolong Ketua Pengarang di sebuah akhbar. Walaupun beliau seorang yang setia terhadap syarikatnya tetapi beliau tidak dihormati oleh orang-orang bawahaninya kerana tidak pandai bekerja dan sering meninggi diri. Oleh kerana itu, gajinya tidak naik-naik sedangkan ada orang bawahannya yang telah mengatasinya. Keadaan ini menjadikan beliau sering berasa marah-marah dan tertekan. Akhirnya Waha telah dinaikkan pangkat dan dipindahkan ke Pulau Pinang. Walaupun, beliau terus mengeluh kerana ramai kawannya yang telah mendapat penghargaan dan pingat sempena hari Keputeraan Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong sedangkan beliau tidak mendapat apa-apa.</p>
28	“MENUNGGU TEMAN BEBAS”	1967	TEMASHA TINTA	<p>Cerpen ini mengisahkan Anwar seorang wartawan merangkap Timbalan Ketua Pengarang akhbar <i>Warta Rakyat</i> telah ditahan di Pulau Sikijang kerana diituduh mengganggu keselamatan awam. Anwar sangat-sangat berpengaruh di kalangan wartawan, ahli-ahli Kesatuan Sekeria dan turut terlibat dengan pergerakan berhaluan kiri. Selepas penahanannya selama 3 tahun, terdengar desas-desus yang mengatakan bahawa Anwar akan dibebaskan. Walaupun bagaimanapun berita tentang pembebasan Anwar itu telah menimbulkan keadaan yang tidak menentu di kalangan sahabatnya terutamanya Sidek iaitu Ketua Pengarang <i>Warta Rakyat</i>. Sidek khuatir untuk mengambil semula Anwar bekerja dengan akhbar tersebut kerana dikhuatir kemasukan semula Anwar ke dalam akhbar itu akan mengancam akhbar itu dan kedudukannya sebagai Ketua Pengarang. Namun, akhirnya Sidek terpaksa mengakui hakikat bahawa <i>Warta Rakyat</i> amat memerlukan kebolehan dan pengaruh Anvar bagi bersaing dengan akhbar-akhbar Melayu yang lain.</p>

BIL	TAJUK CERPEN	TARIKH TERBIT	MEDIA	SINOPSIS
29	“SOAL KERETA”	1967	TEMASHA TINTA	<p>Shamsuddin adalah seorang wartawan yang masih muda dan berumur kira-kira 22 tahun. Beliau adalah seorang pemuda yang panas baran dan suka memberontak serta mahukan kemudahan yang selengkapnya ketika menjalankan tugas. Kemarahan Shamsuddin bermula dan menular kepada kawan-kawannya apabila kereta syarikat yang sering digunakan oleh wartawan sering mengalami kerosakan. Bakar, iaitu ketua dan orang yang bertanggungjawab membawa Shamsuddin bekerja di syarikat tersebut ingin Shamsuddin dipindahkan ke Kuala Lumpur supaya gaji dan elاعنnya dapat dinaiakkan. Walaupun Shamsuddin bersetuju dengan cadangan itu tetapi ibunya membangkang. Ibu Shamsuddin berjumput Bakar untuk merayu agar Shamsuddin tidak dipindahkan ke Kuala Lumpur. Shamsuddin terpaksa akur dengan kemahuan ibunya dan sejak itu beliau semakin rajin bekerja dan tidak cerewet lagi.</p>
30	“IMPIAN HAJI TAMIMI”	1967	TEMASHA TINTA	<p>Haji Tamimi adalah bekas wartawan <i>Suara Melayu</i> yang telah bersara sejak tahun 1947. Haji Tamimi dan beberapa orang kawannya seperti Haji Kasban dan Haji Ariffin tidak senang hati dengan akhbar <i>Suara Melayu</i> sejak akhir-akhir ini kerana akhbar tersebut banyak menyiarangkan tentang cerita-cerita lucu dan pandoangan parti berhaluan kiri yang menentang kerajaan. Mereka mengkritik akhbar tersebut terutamanya Basri yang memimpin akhbar tersebut. Pengurus <i>Suara Melayu</i> mempelawa Haji Tamimi untuk bekerja semula dengan akhbar itu. Walaupun bagaimanapun Haji Tamimi menolak pelawaan itu kerana merasakan beliau telah tua dan tidak berupaya lagi untuk berkhidmat sebagai wartawan, sebaliknya beliau lebih suka menghabiskan masanya bersama-sama keluarganya dan hanya sebagai bekas wartawan.</p>

BIL	TAJUK CERPEN	TARIKH TERBIT	MEDIA	SINOPSIS
31	“HUSSEIN ZET”	1967	TEMASHA TINTA	<p>Amir adalah seorang wartawan yang mempunyai seorang sahabat yang bernama Hussein Zet. Hussein Zet pernah membantu Amir ketika Amir baru tiba di Singapura. Hussein Zet tidak berjudi, tidak mempunyai kereja, belum berkahwin tetapi suka berpakaian kemas dan pandai bergaya. Hussein Zet juga seorang yang boros dan kerap kali kehabisan wang kerana membelanjia kawan-kawannya. Hussein Zet melibatkan diri dalam pelbagai bidang seperti menjadi pengurus majalah hiburan, menyeludup getah, menguruskan pementasan dan lain-lain. Namun, kesemuanya berakhir dengan kegagalan. Amir dipindahkan ke Kuala Lumpur dan apabila Hussein turut mencuba nash di Kuala Lumpur, beliau telah meminta bantuan Amir untuk menyiarakan hasil cerpen, sajak dan rencananya. Amir cuba membantu Hussein ketika di Kuala Lumpur. Hussein Zet akhirnya meminta bantuan Amir untuk memperkenalkannya dengan bapa saudara Amir iaitu seorang pegawai tinggi kerajaan yang dapat meluluskan lesen pembalakan di Pahang. Amir agak keberatan untuk berbuat demikian kerana tidak mahu terbabit dengan urusan Hussein Zet.</p>
32	“AHLI “BAHASA””	1967	TEMASHA TINTA	<p>Yazid adalah seorang wartawan yang berhemah tinggi dan tekun bekerja serta ditugaskan untuk menjaga bahagian cerpen dan sajak. Beliau tidak suka menghabiskan masaanya dengan kerja-kerja yang tidak berfaedah seperti rakan-rakannya yang lain. Selain menjaga bahagian cerpen dan sajak, Yazid juga sering menyunting berita dan rencana yang ditulis oleh kawan-kawannya dari aspek ejaaan dan bahasanya. Sikapnya yang lurus dan baik itu menjadikan beliau sering menjadi bahan dan sasaran gurauan rakan-rakannya dan mereka memberi gelaran ‘ahli bahasa’ kepada Yazid kerana minatnya yang mendalam terhadap bahasa. Walaupun, ada kalanya Yazid tidak dapat menerima gurauan daripada kawan-kawannya tetapi Mustapha sering memujuknya. Akhirnya, Yazid cuba untuk menerima keadaan itu sebagai sebahagian daripada kehidupan orang yang bekerja dengan surat khabar.</p>

BIL	TAJUK CERPEN	TARIKH TERBIT	MEDIA	SINOPSIS
33	"EDISI PAGI"	1967	TEMASHA TINTA	Munir adalah seorang wartawan yang bertugas untuk menerima berita bagi disiarkan untuk edisi pada sebelah pagi. Sujak pula adalah seorang penyunting yang serius terhadap kerjanya walaupun berkelakuan agak kasar dan kurang ajar. Pada suatu malam, Munir berasa resah kerana ketidaaan Sujak yang telah meninggalkannya seorang diri untuk menangani berita malam itu untuk disiarkan pada keesokan harinya. Munir berasa cemas dengan ketidaaan Sujak kerana berita-berita tersebut sepatutnya disunting oleh Sujak dan perlu disiapkan dengan segera. Dalam pada itu, beliau turut menerima berita-berita baru. Akhirnya, walaupun tanpa kehadiran Sujak, Munir berjaya juga menyiapkan 'Edisi Pagi' dengan bantuan Pak Kassim yang bekerja di bahagian cetak.
34	"KISAH CINTA DI KOTA BHARU"	1967	TEMASHA TINTA	Nasir adalah seorang wartawan dengan sebuah syarikat akbar. Beliau telah ditugaskan oleh ketuanya untuk membuat liputan lawatan Perdana Menteri iaitu Tun Abdul Razak ke Kota Bharu. Kawan-kawan yang sama-sama bertugas dengannya seperti Pak Wan dan Mutalib menggalakkan Nasir untuk mencari gadis-gadis Kelantan untuk berhibur. Ketika menaiki sebuah beca, Nasir telah ditimpah kemalangan. Beliau telah dibantu oleh Nik Mat yang mempunyai seorang anak perempuan yang bernama Kamariah. Selepas sembah, Nasir cuba mencari rumah Nik Mat tetapi gagal dan beliau pulang ke Kuala Lumpur dengan kecewa. Kekecewaanya berlaku menjadi kegembiraan apabila 2 hari kemudian Nasir menerima surat Nik Mat yang menyertakan sekali alamat rumahnya.

BIL	TAJUK CERPEN	TARIKH TERBIT	MEDIA	SINOPSIS
35	“TITI”	1967	TEMASHA TINTA	Manaf adalah seorang wartawan yang pernah bertugas di Jakarta. Beliau telah ikut serta dengan rombongan Tun Abdul Razak bagi memulihkan hubungan antara Indonesia yang berkonfrontasi dengan Malaysia. Semasa di Jakarta, Manaf mengambil kesempatan untuk bertemu dengan kawan-kawan lamanya semasa beliau pernah bertugas di Jakarta. Manaf juga mengambil kesempatan tersebut untuk bertemu bekas kekasihnya yang bernama Titi. Semasa pertemuan tersebut, Manaf memberikan buah tangan yang dibawanya dari Malaysia kepada Titi. Kedatangan Manaf itu disambut dingin oleh Titi kerana bersedih dengan penahanan suaninya oleh pihak pemerintah kerana terlibat dengan Parti Komunis Indonesia (PKI).
36	“RUMAH KEDAI DI JALAN SELADANG”	SEPT 1988	DEWAN SASTERA	Cerpen ini berkisar tentang penderitaan dan kesengsaraan hidup semasa zaman pendudukan Jepun. Mak Wan mempunyai seorang anak perempuan bernama Kathum Bee. Rumah Mak Wan turut dihuni oleh wanita-wanita penari kabaret yang bernama Leha, Nani dan Tina. Leha menjadi perempuan simpanan Datuk Maurof sementara Nani pula adalah kekasih kepada seorang tentera Jepun yang bernama Takahashi. Mereka di rumah tersebut hidup agak mewah hasil daripada hubungan Leha dan Nani itu yang membolehkan mereka mendapat pelbagai barang-barang yang dijual oleh Juki dan Gopal di pasaran gelap. Walau bagaimanapun penghuni di rumah tersebut ditimpa kesusahan apabila Takahashi, Juki dan Gopal ditangkap, Datuk Maurof pula mati lemas di laut. Akhirnya rumah tersebut kesepihan apabila semua penghuniya telah meninggalkan Mak Wan dan rumah tersebut termasuklah anak Mak Wan sendiri iaitu Kathum Bee.

BIL	TAJUK CERPEN	TARIKH TERBIT	MEDIA	SINOPSIS
37	“PENULIS TUA”	NOV 1988	DEWAN SASTERA	Haji Reza adalah seorang bekas penulis yang telah bersara. Walaupun begitu, beliau tetap dihubungi oleh kawan-kawannya yang bercadang hendak menerbitkan sebuah kamus Bahasa Melayu. Selain itu, Haji Reza juga mengambil upah menulis tulisan khat dan beliau juga mengambil upah bertukang kerana kemahirannya dalam kedua-dua bidang tersebut. Beliau dianggap sebagai pemimpin di kalangan kaum keluarga dan anak-anak buahnya dan ini memaksa beliau barhadapan dengan masalah mereka pada setiap hari. Hal ini menjadikan Haji Reza sentiasa sibuk ditambah pula dengan urusan Persatuan Melayu yang telah memberi biasiswa kepada anaknya, Leman. Kesibukannya itu akhirnya telah menyebabkan Haji Reza membatalkan hasratnya untuk membantu menerbitkan kamus tersebut sebaliknya beliau mahu menumpukan masa dan perhatiannya kepada urusan dan masalah keluarganya.
38	“PELONCOAN”	FEB 1989	DEWAN SASTERA	Leman adalah seorang anak muda yang berusaha gigih untuk menjadi seorang wartawan tetapi terpaksa berhadapan dengan kereah kawan-kawannya di tempat kerja. Beliau baru sahaja diterima bekerja dengan akhbar <i>Melayu Baru</i> . Sebagai pekerja baru, beliau sering menjadi bahan gurauan rakan-rakannya, terutamanya mereka yang bekerja di bahagian pengatur huruf. Pak Syeikh Khaidir memberikan tugas pertama kepada Leman untuk melihat kubu tentera Inggeris di Changi. Setelah Leman mendapat gaji pertamanya, beliau membelanja rakan-rakannya dari bahagian pengatur huruf untuk makan bersamanya. Semenjak itu, perhubungan Leman dengan rakan-rakannya yang banyak membantu dalam menyelesaikan tugas-tugasnya telah menjadi bertambah erat.

BIL	TAJUK CERPEN	TARIKH TERBIT	MEDIA	SINOPSIS
39	"PAK CIK BADONG"	APRIL 1989	DEWAN BUDAYA	<p>Salah seorang keluarga terdekat ibu iaitu Pak Cik Badong sering melawat ibu sejak akhir-akhir ini. Ibu atau si isteri mempunyai latar belakang yang berbeza daripada ayah atau si suami. Si isteri berasal dari Riau sementara si suami pula berasal dari Jawa. Ibu merajuk dengan ayah kerana ayah telah menolak hasrat ibu untuk bermiaga kedai makan di Kelana Jaya dengan modal sebanyak RM70,000.00. Ibu ingin bermiaga kerana Pak Cik Badong mengajaknya untuk berkongsi bermiaga kedai makan. Namun, pada suatu hari, ayah mendapat panggilan telefon dari Johor Bharu untuk menguruskan mayat Pak Cik Badong yang ditembak mati oleh pihak polis kerana terlibat dengan aktiviti penyeludupan. Sejak peristiwa itu, ibu tidak lagi merajuk dengan ayah.</p>
40	"MR. HAF PA DOLLAH"	24 MAC 1991	BERITA MINGGU	<p>Samad berkenalan dengan Man Siam di bahagian pencetakan ketika beliau mulanya bertugas sebagai wartawan di akhbar <i>Utusan Melayu</i>. Apabila persahabatan mereka menjadi lebih erat, Man Siam telah memperkenalkan Samad kepada Cik Suri yang memiliki sebuah warung makan. Cik Suri mempunyai seorang anak perempuan yang bernama Rokiah. Perhubungan Samad dengan Cik Suri dan Rokiah menjadi lebih rapat. Pada suatu hari Man Siam telah jatuh sakit tetapi dan beliau telah dijaga oleh Cik Suri. Akhirnya, Man Siam telah berkahwin dengan Cik Suri dan hubungan Samad dengan Rokiah terus rapat.</p>

BIL	TAJUK CERPEN	TARIKH TERBIT	MEDIA	SINOPSIS
41	“USTAZ”	MEI 1991 DEWAN SASTRA		Ustaz Shafiq adalah seorang wartawan dan juga wakil <i>Urusan Melaju</i> di Kota Bharu, Kelantan. Samad pergi sendiri ke Kota Bharu untuk melihat sendiri keadaan di sana memandangkan tuntutan bil telefon dan perbelanjaan Ustaz Shafiq yang tinggi walaupun beliau tidak mahir menghantar berita dan laporan. Ketika di Kota Bharu, Samad telah dilayan dengan baik oleh Ustaz Shafiq dengan diperkenalkan kepada beberapa orang tokoh tertentu di sana. Pada suatu malam, Ustaz Shafiq telah menghantar seorang wanita cantik kepada Samad. Akhirnya, Samad mengeri tentang perbelanjaan Ustaz Shafiq yang tinggi kerana beliau bukan sahaja terpaksa berperanan sebagai wartawan tetapi juga sebagai wakil <i>Urusan</i> dan seorang pemimpin tempatan pula.